



MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG NARSCO KE 25

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HJ. MOHD. SHAFIE BIN HJ. APDAL,
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DI AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA, KUALA LUMPUR
23 JUN 2009
9.00 PAGI

- 1. Y.BHG DATO' AB. JABAR B. CHE NAI
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH**
- 2. Y.BHG DATO' MANGSOR BIN SAAD
PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI
MALAYSIA**
- 3. Y.BHG TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA**
- 4. Y.BHG DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN RISDA
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

- 5. Y.BHG DATO' HJ ALIASAK BIN HJ.AMBIA
PENGERUSI NARSCO**
- 6. YANG BERUSAHA ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA
NARSCO**
- 7. KETUA-KETUA JABATAN DAN WAKIL**
- 8. TIMBALAN KETUA PENGARAH DAN PENGARAH-
PENGARAH RISDA**
- 9. PENGARAH-PENGARAH RISDA NEGERI**
- 10. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

3

- 1. Syukur saya ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izinNya saya dapat hadir di majlis Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Bhd. (NARSCO)**
- 2. Saya ingin merakamkan tahniah atas kejayaan NARSCO mengadakan Mesyuarat Agungnya kali ke 25 mengikut jadual. Saya difahamkan NARSCO adalah koperasi induk yang dianggotai oleh 64 buah**

4

koperasi di peringkat daerah, negeri dan pusat iaitu 61 buah koperasi pekebun kecil dan 3 buah koperasi kakitangan RISDA.

3. Tahniah saya ucapkan kepada NARSCO kerana pada tahun 2008 daripada 61 buah koperasi pekebun kecil yang menganggotai NARSCO, sebanyak 22 buah koperasi telah melepas garis keuntungan minimum RM 100,000.00 untuk persiapan ke arah koperasi berdikari. Malahan 21

Koperasi telah melepas keuntungan melebihi RM 300,000.00. 15 buah Koperasi Pekebun Kecil telah menerima pelbagai Anugerah daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Pada tahun lepas juga Koperasi Pekebun Kecil Jajahan Tanah Merah/Jeli, Kelantan telah menerima Anugerah Koperasi Terbaik Keseluruhan Agensi di bawah KKLW. Syabas dan tahniah saya ucapkan! Ini menunjukkan bahawa koperasi semakin matang dan berupaya untuk bersaing dalam bidang perniagaan. Secara tidak

langsung dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi Pekebun Kecil.

4. Walau bagaimana pun, kita tidak boleh hanya mengutamakan keuntungan semata-mata. Kita perlu ingatkan kembali matlamat asas penubuhan koperasi. Dari konteks pekebun kecil, ianya adalah untuk memberi perkhidmatan dan membantu pekebun kecil dari segi pembekalan input pertanian,

7

pemasaran hasil, pemprosesan dan juga untuk mengelak daripada di eksloitasi oleh orang tengah.

5. Kerajaan melalui RISDA telah banyak membantu Koperasi. Pada awal penubuhan NARSCO, Kerajaan telah memberi RM 20 juta sebagai Geran Pelancaran. Selepas lebih 25 tahun penubuhan, matlamat koperasi masih tidak tercapai. Ada sebilangan Koperasi hanya tumpu kepada kontrak am sahaja dan tidak terlibat dalam pemprosesan.

8

Ada yang telah maju dalam membantu pekebun kecil dari segi pemasaran, pembangunan ladang, bekalan input pertanian dan sebagainya. Saya juga ingin menyarankan disini supaya Koperasi-Koperasi jangan mengamalkan budaya 'sub-kontrak' sahaja tetapi harus terlibat secara langsung dalam pemasaran dan pemprosesan. Koperasi perlu berniaga secara lebih professional dengan kepakaran yang ada dan pada masa yang sama

9

perlu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada ahli.

6. Koperasi perlu menerokai peluang perniagaan yang ada. Jika kita lihat pada aspek pemasaran sahaja, volume pemasaran hasil pekebun kecil negara sahaja adalah 1.12 juta metrik tan tetapi berapa banyak koperasi pekebun kecil yang terlibat? Input Pertanian yang diperlukan untuk program Tanam Semula adalah begitu luas. Program Tanam Semula

di bawah RISDA cuma 150,000 hektar tetapi penanaman semula di luar bantuan RISDA adalah seramai 320,000 orang melibatkan 711,000 hektar getah dan seluas 81,000 hektar sawit yang berpotensi untuk dieksplotasi oleh koperasi. Koperasi perlu lebih agresif untuk mendapatkan perniagaan di luar RISDA.

7. RISDA telah di minta berkembang ke aktiviti 'downstream' seperti yang disarankan oleh YB

11

Menteri. Dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti hiliran ini, Koperasi dan NARSCO boleh turut serta dan merebut peluang-peluang perniagaan yang wujud akibat perkembangan ini.

8. Saya yakin NARSCO dan Koperasi-koperasi akan terus berusaha untuk mengekalkan prestasi yang lebih baik di masa hadapan. Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menyalurkan peruntukan kepada Agensi

12

dibawahnya khususnya RISDA yang saya fikir boleh dimanfaatkan bersama oleh Koperasi. Bidang koperasi kini merupakan antara agenda penting Kerajaan bagi menjana kekuatan ekonomi rakyat dan ia terbukti apabila kerajaan telah memasukkan agenda pembangunan sektor ini dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) serta mempertingkatkan fungsi serta peranan koperasi dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi Negara.

13

Para hadirin sekalian,

9. Setelah lebih suku abad diwujudkan dan beroperasi, kita mahu melihat supaya koperasi khususnya Koperasi Pekebun Kecil di negeri dan daerah menjadi maju dan boleh bersaing dengan koperasi yang telah menempa nama.

14

10. Matlamat dan strategi pembangunan koperasi pekebun kecil (KPK) perlu dikaji semula selaras dengan perubahan struktur ekonomi Negara, senario masyarakat Pekebun kecil dan cara bermiaga dalam era globalisasi dan liberalisasi. Semua anggota lembaga koperasi digesa bersikap lebih proaktif, inovatif dan dinamik dalam mempelbagaikan kegiatan perniagaan koperasi. Walau bagaimanapun koperasi perlu fokus kepada perniagaan yang mempunyai kepakaran dalam

15

usaha untuk meningkatkan keuntungan. Sebagai sebuah organisasi yang dimiliki oleh pekebun kecil, semua aktiviti pembangunan ladang hingga pemasaran hendaklah diselaraskan supaya ianya selari dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan pekebun kecil berdikari.

11. Kementerian telah membuat pelbagai perancangan bagi memajukan pekebun kecil melalui koperasi dan pemimpin perlu menyahut saranan

16

tersebut seiring bagi meningkatkan kemampuan koperasi di Negara ini. Disamping itu , koperasi harus bijak merebut peluang-peluang yang diwujudkan melalui peruntukan pembangunan tambahan pakej rangsangan ekonomi pada Mac 2009 yang berjumlah RM 60 billion yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara.

12. Saya percaya NARSCO mempunyai matlamat ke arah membentuk organisasi yang kukuh dan berkualiti. Begitu juga dengan Koperasi Pekebun Kecil di negeri dan daerah. Bagi KPK yang mempunyai masalah, tindakan susulan perlu difikirkan bersama tentang soal pemulihannya, di mana salah satu caranya ialah melalui penggabungan untuk mendapatkan satu ‘synergy’ sebagaimana yang dilaksanakan oleh pihak korporat seperti bank perdagangan. Apa yang kita lihat ada

koperasi yang kurang inisiatif untuk memajukan institusi mereka walaupun pelbagai sumber dan aktiviti telah disalurkan oleh agensi yang berkaitan, (RISDA). Masalah dalaman yang melanda peringkat kepimpinan perlu diselesaikan kerana ia menggugat kemajuan koperasi. Pemimpin koperasi harus meningkatkan kebertanggungjawaban dan rasa kepunyaan yang tinggi terhadap koperasi yang dipimpin. Kerjasama yang sepatutnya diwujudkan oleh anggota koperasi perlu dipertingkatkan bagi

memastikan mereka mempunyai misi yang sama iaitu memajukan koperasi. Dari segi kemampuan sumber manusianya, kepakaran dan keupayaan melaksana harus juga diberikan perhatian. Disamping itu banyak perkara dapat di atasi bersama melalui penggembangan kepakaran dan kekuatan yang ada untuk menjamin institusi tersebut boleh bersaing dengan sektor perniagaan yang lebih mencabar. Lembaga koperasi perlu mengambil inisiatif lain bagi menguruskan syarikat koperasi

seperti melantik tenaga luar yang mempunyai kepakaran berbeza supaya berupaya meningkatkan kemampuan koperasi di Negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Disini saya merasakan RISDA dapat memainkan peranan selaku agensi bertanggungjawab membimbing koperasi-koperasi yang berkenaan. Perkhidmatan bimbingan ini perlu

21

mengambil kira dari segi perundangan, tanggungjawab ahli, Anggota Lembaga dan bimbingan dengan memberikan khidmat kaunseling juga perlu diberikan penekanan untuk membantu dari segi pemulihan organisasi. Pendidikan yang berterusan samada secara formal atau tidak formal perlu dijadikan teras kepada perancangan projek pembangunan Pekebun Kecil terutamanya projek peningkatan ekonomi dan juga kesejahteraan masyarakat.

22

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan

14. Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk menjadikan koperasi di luar bandar seperti koperasi pekebun kecil di daerah-daerah sebagai salah satu wadah perjuangan dan daya penggerak kepada pembangunan masyarakat desa dan Negara amnya khususnya orang Melayu. Selain dari memperkuatkan aktiviti yang sedia ada, koperasi harus merebut peluang-peluang baru khususnya

23

dalam industri hiliran getah yang melibatkan penggunaan teknologi baru .

14. Salah satu daripada objektif Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah untuk membantu gerakan koperasi menjadi sebuah institusi sosio-ekonomi yang mampan dan berdikari serta berdaya saing ke arah membentuk masyarakat yang produktif dan berdaya tahan. Ini seiring dengan matlamat Dasar Koperasi Negara

24

yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2004 untuk menjadikan sektor koperasi sebagai pemangkin bersama sektor awam dan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi Negara.

15. NARSCO menjadi kian matang yang mana telah menjangkau 27 tahun penubuhannya. Semangat kerjasama dalam meningkatkan taraf hidup dan perkhidmatan sosial masyarakat pekebun kecil akan terus relevan kerana ia adalah aspek penting dalam

25

kehidupan. Saya menaruh sepenuh keyakinan, berdasarkan kepada kejayaan yang lalu NARSCO akan terus berdaya saing dan mampu membina ke arah sebuah Koperasi yang disegani pada masa akan datang. NARSCO perlu mengenalpasti dan memperbaiki kekurangan-kekurangan yang ada dan mengenalpasti alternatif-alternatif aktiviti yang boleh menambah nilai produk yang ditawarkan yang akhirnya akan memberi keuntungan kepada semua pihak.

26

16. Dalam perkhidmatan ini NARSCO perlu memberi perhatian dan penekanan bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti mutu perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan yang sedia ada dan pelanggan lain yang berpotensi untuk diterokai. Dengan kekuatan dari segi anggotanya, produk-produk yang dihasilkan oleh NARSCO diharapkan boleh dipasarkan dengan mudah dan boleh mewujudkan peluang perniagaan yang berkaitan dengan kumpulan sasar khususnya kegiatan

27

pertanian. Urusniaga ini boleh menghasilkan ekonomi.

17. Saya berkeyakinan bahawa NARSCO dan koperasi diperingkat daerah dan negeri sedang berusaha ke arah sara diri untuk menempuh era yang semakin mencabar. Kita perlu berupaya menyahut cabaran dan bersaing untuk terus maju. Kekuatan dan pengalaman yang dimiliki oleh NARSCO dan KPK sewajarnya digembangkan pada aktiviti-aktiviti yang mempunyai kepakaran dan

28

hubungan terus dengan pekebun kecil. Apa yang perlu dilakukan oleh koperator adalah mengubah minda dan sikap untuk lebih berani menceburi bidang baru yang boleh memberi pulangan menguntungkan tanpa meminggirkan prinsip dan objektif asas gerakan koperasi.

18. Adalah diharapkan NARSCO dan KPK akan bertambah maju dan berdaya saing serta menjadi alat bagi menghapuskan kemiskinan, mewujudkan

29

peluang perniagaan dan pekerjaan dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan masyarakat khususnya dikalangan pekebun kecil.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

19. Koperasi Pekebun Kecil samada diperingkat nasional atau daerah mempunyai kekuatan sendiri dari segi keanggotaan individu seramai 200,000 orang dan jika digembelengkan supaya setiap ahli

30

menyumbang RM500 bermakna KPK boleh mengumpul RM100 juta untuk modal pusingan. Pergerakan koperasi di negara ini harus melihat dan memberikan harapan kepada koperasi yang sedemikian untuk terus maju. Matlamat perjuangan dalam pergerakan koperasi akan hanya dapat tercapai sekiranya barisan Ahli Lembaga Koperasi dan Pengurusannya cekap dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab.

31

20. Saya difahamkan NARSCO telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan perniagaan antaranya aktiviti pemasaran input pertanian, perladangan, pelancongan dan teknologi maklumat adalah merupakan produk dan perkhidmatan perlu. Jika koperasi berganding bahu untuk menjalankan semua kemudahan ini maka tidak mustahil ianya dijadikan perniagaan utama dan boleh memberikan pulangan yang cukup baik.

32

21. Koperasi tidak seharusnya membawa diri dengan alasan tiada keupayaan selepas menanggung kerugian kerana perlu diingat bahawa koperasi adalah keupayaan ramai (ahli) dan merupakan satu amanah untuk setiap Ahli Lembaga dan Pengurusan untuk menzahirkannya sebagai sebuah Koperasi yang berjaya. Masih banyak usaha perlu dilakukan bagi memastikan potensi yang

33

mereka miliki dapat ditingkatkan dan dimanfaatkan oleh anggota.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

22. Trend perniagaan sekarang seperti syarikat-syarikat gergasi, mereka mewujudkan satu konsortium dan menjadi titik tolak kepada perkembangan ekonomi Negara. Mereka berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan membentuk

34

satu kumpulan serta berupaya bersaing merebut peluang perniagaan. Langkah seumpama ini harus koperasi tuan turuti supaya dapat berdaya saing setanding dengan Koperasi-koperasi yang berdaya maju di Malaysia.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan

23. Koperasi Pekebun Kecil dan NARSCO harus mengorak langkah yang lebih positif dan proaktif

35

untuk merebut peluang perniagaan di pasaran terbuka. NARSCO dan koperasi anggota perlu merencanakan dasar perlaksanaan aktiviti dan perniagaan secara “on-line” atau “e-commerce”. Perdagangan secara elektronik atau digital ini perlu diberikan penekanan dan diterapkan kepada jentera Ahli Lembaga dan Pengurusan. Perdagangan secara “on-line” telah lama dipraktikkan diperingkat antarabangsa dan sekarang telah membuka ruang dipasaran tempatan. Hanya dengan keberanian

36

mengambil risiko perniagaan, sesebuah koperasi itu akan berusaha bersungguh-sungguh mendapat pulangan yang besar dengan sentiasa bersikap inovatif serta kreatif.

24. Penghayatan kepada konsep pembangunan bersepadu ke arah menjadi kampong maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakatnya yang inovatif, kreatif, bekerjasama dan berfikiran global yang digerakkan berteraskan konsep perkongsian

37

bijak perlu melibatkan pihak Kerajaan, swasta dan badan bukan Kerajaan. Aktiviti-aktiviti ekonomi seperti program ‘homestay’ dan budaya hidup masyarakat menjadi daya tarikan pelancong-pelancong dari luar untuk datang ke kampung-kampung.

25. Negara kita memang kaya dengan keindahan alam semula jadinya. Terlalu banyak tempat-tempat menarik di negara ini yang telah terkenal sama ada

38

diperingkat antarabangsa maupun domestik sebagai tempat tarikan pelancong. Deretan pulau dan pantai, tasik-tasik semulajadi dan buatan, kehijauan dan keaslian hutan hujan tropika serta keunikian pelbagai budaya dan ras yang berbeza telah membentuk kombinasi unik dan istimewa, sekali gus menggamit kedatangan pelancong yang berterusan ke negara ini. Pelbagai aktiviti dalam program pelancongan seperti menyediakan kemudahan tempat penginapan, pakej lawatan,

39

mengusahakan perusahaan kraftangan dan cenderamata, perkhidmatan seni dan kebudayaan, makanan serta bermacam lagi adalah diantara sebahagian kegiatan-kegiatan pengusaha tempatan. Semuanya mendatangkan pulangan lumayan kepada mereka.

Hadirin sekalian,

40

26. Saya suka mengambil contoh sektor pelancongan kerana sektor ini cukup berpotensi jika ianya diurus dengan cekap dan profesional. NARSCO melalui anak syarikatnya NARSCO Mgt.Travel & Services Sdn.Bhd. harus meningkatkan perkhidmatan pelancongan ‘inbound’ yang dijangka dapat memberi pulangan yang baik.
27. Koperasi mestilah bijak mengambil peluang tersebut demi manfaat anggota-anggotanya.

41

Pelbagai kegiatan boleh disertai oleh koperasi dalam mengembangkan sektor pelancongan seperti pengangkutan, penginapan, pusat peranginan, mempromosikan produk-produk kraftangan keluaran tempatan dan sebagainya.

28. Pakej-pakej Umrah yang sedang giat dipromosikan oleh NARSCO dengan fokus pelanggannya pekebun kecil merupakan usaha yang baik dan patut diteruskan. Disamping ianya boleh

42

mewujudkan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada KPK, projek ini juga boleh merapatkan hubungan NARSCO dengan anggota individu diperingkat akar umbinya.

29. Saya difahamkan dalam Mesyuarat Agung kali ini, ahli-ahli akan menimbang satu usul untuk meminda undang-undang kecilnya. Secara konsepnya pindaan ini berhasrat untuk menjadikan NARSCO sebagai sebuah Koperasi ‘yang bebas dari

43

otonomi’. Pindaan ini juga mencadangkan supaya keahlian NARSCO diperluaskan kepada koperasi asas tani yang di luar kawalan RISDA di samping mengurangkan wakil RISDA dalam NARSCO dari 3 orang kepada seorang sahaja. Dalam hal ini, saya ingin menasihatkan ahli supaya menimbang sepenuhnya implikasi pindaan kerana bebas itu kadang-kadang tidak menjamin kejayaan. Elok juga kita lihat kembali asal usul menuju NARSCO supaya pengalaman kita dalam menuju NARSCO

44

Koperasi Ladang Pekebun Kecil dalam tahun 1970 tidak berulang.

30. Tahniah sekali lagi saya ucapkan di atas keupayaan NARSCO mengadakan Mesyuarat Agung kali ke 25 pada tahun ini. Insya Allah segala usaha dan cita-cita murni NARSCO akan tercapai dan terlaksana jika kita ada kemahuan dan niat melaksanakannya. Tahniah juga kepada Koperasi Pekebun Kecil di negeri dan daerah yang telah

45

berjaya mengekalkan prestasi cemerlangnya dan bagi Koperasi yang kerugian haruslah bekerja keras dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa memberikan sokongan serta sedia membantu mencari jalan penyelesaian untuk kemajuan bersama khususnya masyarakat pekebun kecil.

46

29. Dengan lapaz Bismillahirrahmannirrahim saya merasmikan Mesyuarat Agung NARSCO kali ke 25 pada 23 Jun 2009 bertempat di Dewan Sultan Ahmad Shah Ibu Pejabat RISDA. Kuala Lumpur ini.

Sekian.

Wabillahitaufiq, Wassalamualaikum wrh.